

Risiko Kesehatan ketika Memburu dan Menyembelih Haiwan buruan

Ketika dan selepas memburu:



- Jangan memburu jika anda sakit.
- Hindari gigitan serangga.
- Laporkan jika ada hidupan liar atau burung yang sakit dan mati ditemui.
- Sentiasa periksa badan jika terdapat kutu.
- Jangan sentuh atau makan haiwan yang dijumpai mati.
- Hindarkan daripada menyentuh bendalir daripada badan haiwan yang diburu.
- Tutup luka sekiranya berlaku kecederaan.



Mengendali dan Membersihkan Binatang yang telah Ditangkap:

- Jangan makan, minum atau merokok ketika membersihkan haiwan buruan.
- Pakai sarung tangan (latex, nitril atau getah berat).
- Jangan guna peralatan yang sama untuk membersihkan spesies yang berlainan.
- Buang bahagian usus secepat mungkin.
- Kurangkan sentuhan dengan bahagian otak dan tisu-tisu tulang belakang haiwan
- Buang bahagian daging yang telah tersentuh dengan bahagian usus.
- Lindungi daging hasil buruan daripada dihinggapi lalat.
- Basuh tangan dengan sabun dan air dengan rapi atau dengan menggunakan pembasmi kuman alkohol. Basuh tangan dengan rapi sebelum dan selepas mengendalikan dan setiap hasil tangkapan.



Penyediaan Daging:



- Pakai sarung tangan (lateks, nitril atau getah berat).
- Basuh tangan dengan teliti dan bersihkan peralatan dan permukaan tempat bekerja selepas digunakan.

Memasak dan Penyimpanan Daging buruan:

- Jangan makan daging haiwan buruan atau burung yang nampak sakit dan tidak normal.
- Elakkan daripada memakan daging mentah atau daging yang kurang masak.
- Jangan simpan daging pada suhu bilik.
- Masak daging dengan teliti.
- Daging mentah perlu disejukkan dengan segera.
- Bungkus dan simpan daging buruan dengan rapi dan asingkan daripada makanan yang lain.

Penyakit yang boleh dijangkiti daripada aktiviti memburu:

- Brucellosis
- Virus Nipah
- Leptospirosis
- Chronic Wasting Disease (CWD)
- Plague
- Tularemia
- Q fever
- Toxoplasmosis

Mendapatkan rawatan perubatan:

- Pemburu harus sentiasa berjumpa dengan doktor jika mereka mengesyaki mereka telah terdedah kepada penyakit dan menunjukkan symptom dan tanda-tanda penyakit.
- Selain itu, jika anda syaki anjing memburu anda atau mana-mana haiwan yang digunakan untuk memburu mungkin telah dijangkiti penyakit, hubungi doktor haiwan anda

